

## **Sunsuria Buat Usaha Sama Bagi Projek Bernilai RM100 Juta Di Sunsuria City**

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Pengasas Sunsuria Bhd dan Savanna Landscaping, Gan Teck Boon telah memeterai satu perjanjian usaha sama (JV) bagi menguruskan bahagian landskap dan tapak semaihan kumpulan Sunsuria.

Di bawah perjanjian tersebut, anak syarikat Sunsuria, Sunsuria Arena Sdn Bhd dan Sunsuria Gateway Sdn Bhd, bersama dengan Gan, akan menubuhkan sebuah syarikat usaha sama iaitu Sunsuria Landscape & Nursery Sdn Bhd bagi menjalankan kerja-kerja yang berkaitan dengan seni taman ke atas semua harta tanah yang dibangunkan oleh Sunsuria.

"Sunsuria akan melabur RM100 juta ke dalam jumlah bajet landskap bagi Sunsuria City yang menjadi perbandaran mercu tandanya, meliputi seni taman di plot-plot individu serta pesiarian bandar," katanya dalam satu kenyataan hari ini.....